

BH Jumaat, 8 April 2022

Nasional

Pembukaan semula sempadan

# 252,730 pengembara masuk, keluar Malaysia

**Pengeluaran Pasport Antarabangsa Malaysia catat peningkatan mendadak**

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Seramai 252,730 pengembara direkodkan masuk dan keluar Malaysia ini sejak pembukaan pintu sempadan negara pada 1 April hingga Isnin lalu.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimée Daud, berkata jumlah itu direkodkan melalui pintu masuk utama negara iaitu di Lapangan

Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), klia2, Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di Johor.

Jumlah kemasukan dan keluar pelawat juga direkodkan di pintu masuk Padang Besar, Perlis; Bukit Kayu Hitam, Kedah; Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah; Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan pintu masuk Sungai Tujoh, Sarawak.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 126,392 adalah ketibaan dan 28,301 berlepas membabitkan warga negara Malaysia, manakala 55,121 ketibaan dan 42,916 berlepas membabitkan pengembara warga asing.

Pelawat tertinggi direkodkan dari lima negara, iaitu Singapura seramai 65,165, Thailand (7,841), Indonesia (5,173), India (2,477) dan United Kingdom (1,485).

“Pintu masuk negara yang

mencatatkan jumlah pergerakan warga asing tertinggi adalah Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dengan 160,818 pengembara, KLIA (38,407), Kompleks Sultan Abu Bakar Link Kedua (53,113), klia2 (11,712) dan Bukit Kayu Hitam (6,980),” katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Khairul Dzaimée turut menjelaskan bahawa pengeluaran Pasport Antarabangsa Malaysia juga mencatatkan peningkatan mendadak yang mana bagi tempoh 1 hingga 4 April 2022 sebanyak 12,923 naskhah pasport dikeluarkan di semua pejabat imigresen seluruh negara.

Jumlah pasport dikeluarkan dijangka terus meningkat berikutan orang awam memanfaatkan pembukaan sempadan bagi tujuan melancong keluar negara dan mengerjakan umrah.

Katanya, dalam tempoh 1 April hingga Isnin lalu, pergerakan ke-

“Jumlah itu direkodkan melalui pintu masuk utama negara iaitu di KLIA, klia2, Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di Johor”



**Khairul Dzaimée Daud,**  
Ketua Pengarah Imigresen

luar masuk warga asing mencatatkan peningkatan 76.4 peratus, manakala pengeluaran pasport meningkat 38.2 peratus berbanding tempoh sama pada Mac 2022.